

# Banyakkan program pemuliharaan semula hutan di Pahang

**PEKAN** - Jabatan Perhutanan Pahang diarah untuk memperbanyakkan dasar dan program berkaitan pemuliharaan semula hutan, titah Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.

Baginda bertitah, walaupun tidak dinafikan pembalakan merupakan sumber pendapatan negeri, namun ia seharusnya dilakukan secara terancang bagi mengurangkan kesan ke atas alam sekitar.

"Permasalahan utama yang dihadapi ialah kegiatan pembalakan yang dilakukan secara haram," titah baginda.

Tengku Abdullah bertitah demikian semasa ditemui selepas merasmikan Majlis Konvokesyen ke-5 Universiti Automotif Malaysia DRB-Hicom di sini semalam.

Baginda merupakan Canselor universiti berkenaan.

Turut hadir Naib Canselor universiti itu, Profesor Datuk Seri Dr. Omar Osman.

Baginda diminta mengulas mengenai luahan penduduk di Janda Baik, Bentong dekat sini yang mahu pihak berwajib memberi perhatian terhadap permasalahan pembangunan dan pembalakan di situ.

Luahan itu yang dilaporkan media baru-baru ini juga melibatkan projek laluan elektrik di kawasan hutan sekitar Janda Baik yang dikhuatiri akan menjejaskan kualiti sungai memandangkan majoriti penduduk bergantung kepada sektor ekopelancongan.

"Saya maklum akan perkara itu. Saya mohon diberikan sedikit masa untuk saya menelitinya," titah baginda.

Sementara itu, pada majlis berkenaan pula seramai 707 graduan menerima diploma dan sijil dalam bidang automotif, kejuruteraan dan perniagaan.



**TENGGU ABDULLAH** (tengah) menunjukkan isyarat bagus semasa bergambar bersama sebahagian graduan Universiti Automotif DRB-Hicom selepas majlis konvokesyen universiti itu di Pekan semalam.